



**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
KUALA TERENGGANU

**EDISI BUMPER 2016**

# LEKOR



BULETIN INFORMASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU | [www.pkt.edu.my](http://www.pkt.edu.my) | Jilid: Khas 2015



**Karnival KEUSAHAWANAN**  
**KEUSAHAWANAN**  
**KERANGSAAN**  
**MALAYSIA**  
TERBILANG

Dirasmikan Oleh  
**YAB DATO' SERI HAJI AHMAD RAHMAN**  
Menteri Besar Terengganu  
Penutup Oleh  
**YAB DATUK HAJI MANSUR**  
Pengerah Jabatan

Bakti PKT di  
**PULAU KARIMUN**  
9 - 12 NOVEMBER 2015



**PERTANDINGAN**  
**KUMPULAN**  
**INOVATIF**  
**& KREATIF**



## ALUAN PENGARAH

BULETIN 2015

Alhamdulillah bersyukur kehadiran Ilahi Buletin Lekor PKT 2015 telah Berjaya disiapkan. Harapan saya terbitan kali ini dapat menambah dan menyebarkan pemberitaan serta pengetahuan mengenai aktiviti PKT sepanjang tahun 2015 untuk tatapan semua.



Sekalung penghargaan dirakamkan kepada pasukan penerbitan kerana dapat menghasilkan Lekor edisi 2015 serta terima kasih diucapkan kepada Jabatan/ Unit/ individu yang menyumbang idea, artikel dan sebagainya yang memberi nafas kepada buletin untuk diterbitkan.

Sepanjang 2015, PKT mempunyai seribu kenangan yang tidak dapat dilupakan, terutama apabila mendapat Johan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif(KIK) bagi kategori Pengurusan, Anugerah Ketua Pengarah MAMPU di dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam. PKT juga mendapat First Runner Up semasa majlis anugerah Malaysia Entrepreneurship Award (MEA2015) peringkat Kebangsaan dalam bidang Keusahawanan. Selain itu, PKT telah mengadakan program eksplorasi silaturrahim Nusantara dan khidmat Komuniti yang diadakan di Pulau Karimun, Indonesia untuk merapatkan hubungan antarabangsa kedua-dua pihak. Tidak lupa juga di dalam bidang sukan, pemain badminton lelaki mendapat anugerah pemain terbaik tahunan Majlis Sukan Politeknik(MSP). Semua kejayaan ini amat bermakna dan ianya tercapai hasil titik peluh warga PKT secara keseluruhannya. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Tahun 2016 memperingatkan bahawa tugas dan perjuangan belum selesai. Kejayaan yang hadir pada masa lalu dijadikan sebagai pembakar semangat untuk terus komited dalam melaksanakan tugas bagi memberi lebih kejayaan kepada PKT. Ayuh semua warga PKT, kita sama-sama berganding tenaga untuk mengharumkan nama Politeknik Kuala Terengganu yang kita sayangi semua.

Pn.Hajjah Radiah Binti Che Su A.M.T  
PENGARAH,PKT

# ISI KANDUNGAN

EDISI BUMPER 2015

## UTAMA DI LEKOR

Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politeknik Malaysia 2015 (K3PM 2015) 05

Bakti PKT Di Pulau Karimun 07

## AKADEMIK

Program latihan tubi matematik 2015 09

Karnival ICT 2015 10

Majlis Sukan Politeknik 2015 (Zon Timur) iCOMPEX' 2015 11

Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2015 Hari Keluarga JKE Kejohanan 8TH Fira Cup & Congress 2015

## INFO STAF

Unit Kewangan 13

Special Training For Young Leadership (PRSP 2015) 14

Kesihatan Mental: Pengurusan Stress & Marah 2015 Perpustakaan 15

Audit Persijilan Semula: MS ISO 9001:2008 17

Sesi Validasi Pencapaian KPI

Bengkel KIK Siri 1 PKT 2015 19

Pertandingan Inovasi Pelajar Sesi Dis 2014

Bengkel KIK Siri 2 PKT 2015 20

Pertandingan KIK PKT 2015

Bengkel Powerpoint Dalam Multimedia PKT 21

Bengkel Prototaip Mesin

## INFO SUKAN

Kejohanan Bola Sepak Pantai 23

Kejohanan Olahraga MSP Ke 8 2015

MSP Taekwando Tournament & Invatation Championship

Kejohanan Touch Rugby Terengganu 2015

Kejohanan Badminton Grand Final 2014 - 2015 24

Karnival Kejohanan Sukan MSPM Zon Timur 2015

Karnival Sukan Futsal PKT 2015

10.10.2015 HARI SUKAN NEGARA 25

Karnival Sukan PKT 2015 26

Kursus Pengurusan sukan menggunakan microsoft

Kejohanan Pentaque MSPM 2015

Kejohanan Badminton MSPM 2015 ( Sirkit 1)

Kejohanan Badminton MSPM 2015 ( Sirkit 2) 27

Kejohanan Badminton Tertutup Melayu Terengganu 2015

Larian Sultan Mahmud 2015 28



## KULIT LEKOR

DESIGN | Mohd Saifuddin

## MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 29

Career Talk: Be An Entrepreneur & Financially Free

PASCA Banjir 1 Politeknik 1 Sekolah Kem Kepimpinan & Eksplorasi MPP 30

Minggu Suai Kenal Sesi Jun 2015 JOM MASUK IPT KE-11 2015 31

Karnival TTB 2015

Kemasukan Ke Politeknik Malaysia Karnival TTB- Sifar Keciciran Masuk IPT 32

## MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

E-Dola 2015 33

Raya PKT

Bengkel Penulisan 34

Ceramah Android

Pesta Buah-buahan di PKT

Bengkel Persediaan K3PM 2015 35

Kursus Kahwin

Lawatan SMK Kerteh Ke PKT 2015 36

## WARTANIAH

## BRAIN GAMES

## KOLEKSI GAMBAR 2015



Pasca Banjir 1 Politeknik 1 Sekolah\_Muka Surat 31

PKT bukan sahaja melahirkan graduan yang berkualiti malah turut menjadikan graduan tersebut sebagai agen kepada perubahan dalam masyarakat.

Pn.Hajjah Radiah Binti Che Su A.M.T  
**PENGARAH,PKT**



Pn.Hajjah Radiah  
 Binti Che Su A.M.T  
**Penaung | penasihat**



En.Wan Ayub  
 Bin Wan Ahmad  
**Pengerusi**



En.Mohd Rusmi  
 Bin Abdul Ghani  
**Timbalan Pengerusi**



Pn.Nor Azizah  
 Binti Awang  
**Setiausaha**



En.Mohd Zunaidi  
 Bin Abdullah  
**Ketua Editor**



En.Mohd Hafizuddin  
 Bin Ibrahim  
**Penolong Ketua Editor**



En.Mohd Hafiz Fikrie  
 Bin Md Hussin  
**Editor**



Pn.Nik Norlelawati  
 Bin Nik Mukhtar  
**Editor**



En.Albaihaki  
 Bin Awang  
**Ahli Fotografi**



En.Muhammad  
 Saifuddin Bin Mat Zain  
**Pereka Grafik**

**RAKAN SEPERJUANGAN**

Tn.Syed Ahmad Nasrie Bin Syed Abdullah | Editor  
 Pn.Aida Fazlin Bin Hisham@Hassan | Editor  
 Pn.Suzana Binti Mohd Ali | Editor  
 Pn.Nur Filzah Bt. Mohd Fauzey | Editor  
 En.Rashid Bin Mohamad | Editor  
 Pn.Adibah Bt. Ali | Editor  
 En.Wan Mohd Za'im Bin Wan Salleh  
 En.Mohd Zulkifli Bin Taib | Ketua Production Team  
 En.Mohd Hafiz Bin Rosli | Penolong Production Team  
 Pn.Safiahanis Bt. Amiruddin | Pereka Grafik

## SYARAT MINIMUM KEMASUKAN KE PROGRAM BIDANG KEJURUTERAAN

- (a) Warganegara Malaysia, DAN
- (b) Lulus SPM atau setaraf dengan memenuhi syarat minimum berikut:
- Lulus Bahasa Melayu
  - Lulus Bahasa Inggeris
  - Mendapat TIGA(3) kepujian bagi mata pelajaran berikut termasuk:
    - Matematik atau Matematik Tambahan.
    - SATU(1) mata pelajaran berkaitan sains/ teknikal/ vokasional
    - SATU(1) matapelajaran lain

**ATAU,**  
Lulus SPM dengan sekurang-kurangnya satu kepujian & memiliki sijil SKM tahap 3 dalam bidang berkaitan.

**ATAU,**  
Lulus program Pra Diploma Sains Politeknik.

### KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK PROGRAM KEJURUTERAAN:

i. Diploma Kejuruteraan Elektronik(Komunikasi)

ii. Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

**PROGRAM BARU**

## SYARAT MINIMUM KEMASUKAN KE PROGRAM BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT

- (a) Warganegara Malaysia, DAN
- (b) Lulus SPM atau setaraf dengan memenuhi syarat minimum berikut:
- Lulus Bahasa Melayu
  - Lulus Bahasa Inggeris
  - Mendapat Tiga (3) kepujian daripada mana-mana mata pelajaran termasuk MATEMATIK atau Matematik Tambahan

### KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK PROGRAM TEKNOLOGI MAKLUMAT:

Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan).

*Study@Poly*  
**Where Life Begins..**

[www.pkt.edu.my](http://www.pkt.edu.my)

#### MAKLUMAT LANJUT:

Unit Hal Ehwal Pelajar,  
Politeknik Kuala Terengganu,  
Jalan Sultan Ismail ,20200 Kuala Terengganu.  
Tel: 09-6204 100

facebook



[www.facebook.com/PoliteknikKualaTerengganuRasmi](https://www.facebook.com/PoliteknikKualaTerengganuRasmi)



Dengan bertemakan Usahawan Cemerlang, Negara Terbilang K3PM saya percaya usaha Politeknik Malaysia khususnya dalam mengetengahkan graduan berikiran keusahawanan serta diiringi dengan produk-produk yang bertaraf "High Impact".

YBhg. Datuk Hj Mohlis Bin Jaafar  
**KETUA PENGARAH, JPP**

## Karnival KEUSAHAWANAN KEBANGSAAN POLITEKNIK MALAYSIA

"USAHAWAN CEMERLANG, NEGARA TERBILANG"



Majlis Perasmian Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politeknik Malaysia (K3PM) 2015 telah berlangsung dengan meriah di Taman Awam Batu Buruk, Kuala Terengganu pada 21 Ogos 2015.

Perasmian disempurnakan oleh Y.B EXCO Roslee bin Daud dan turut sama Datuk Mohlis bin Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Hajjah Radiah Che Su, Pengarah Politeknik Kuala Terengganu. Selain itu Majlis Menandatangani Nota Persefahaman antara Politeknik Kuala Kuala Terengganu dengan Amamah Ikhjtiar Malaysia dan Politeknik Hulu Terengganu dengan Rakan Industri turut dilangsungkan.





Pelbagai acara yang berlangsung sepanjang karnival iaitu pertandingan Paint Ball, Bicara Usahawan, Battle of The Band dan pelbagai acara lain. Pihak penganjur turut membuka penyertaan kepada komuniti setempat dengan menganjurkan beberapa acara terbuka seperti pertandingan Kucing, Pertandingan Sukan Rakyat, Pertandingan Golden Voice Karaoke dan pelbagai acara menarik lain.



# Bakti PKT di PULAU KARIMUN

9 - 12 NOVEMBER 2015



Unit Psikologi dan Kerjaya dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Kuala Terengganu (PKT) telah menganjurkan program eksplorasi silaturrahim Nusantara dan khidmat komuniti atau CSR yang diadakan Pulau Parit, Karimun. Program ini merupakan program pengantarabangsaan yang julung-julung kali diadakan oleh PKT dengan penduduk bertujuan untuk merapatkan hubungan antara pelajar dan masyarakat setempat di samping menyelami kehidupan masyarakat di negara jiran dan membuat comparative studies. Melalui pemerhatian yang dibuat oleh pelajar dapat memberi pendedahan kepada pelajar tentang kemahiran interpersonal seperti kemahiran komunikasi.

Program ini juga dapat membentuk kepimpinan pelajar melalui teladan dengan menimba pengalaman daripada masyarakat yang lebih arif dalam kehidupan terutama masyarakat kampung. Selain itu program ini melatih diri pelajar untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat yang berbeza dialek percakapan dan budaya serta taraf sosial ekonomi, cara bertutur atau bercakap antara dua budaya, Malaysia dan Indonesia yang pada asasnya sama tetapi berbeza sebutan.





**JANGAN** resah andai  
ada yang  
**MEMBENCIMU**  
kerana  
**MASIH RAMAI**  
yang **MENCINTAIMU**  
di **DUNIA**

TETAPI  
**RESAHLAH**  
andai **ALLAH**  
**MEMBENCIMU**  
kerana tiada lagi  
yang **MENCINTAIMU**  
di **AKHIRAT** (Imam Al-Ghazali)

## **SELAWAT**

Sesiapa yang rajin berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW, dia dianggap kekasih kepada kekasih Allah. Menurut petua mencuci hati dari Datuk Dr Haji Fadzillah Kamsah, Selawatlah ke atas nabi sekurang-kurangnya 100 kali sebelum tidur. Ia merupakan pelaburan yang mudah dan murah. Disamping dosa-dosa diampunkan, otak tenang, murah rezeki dan orang akan sayangkan kita.



# 2015 PROGRAM LATIH TUBI MATEMATIK

Tarikh  
Tempat

25 Mac 2015  
Bilik Kuliah A, B, C, D, E, F & Makmal Sains  
Politeknik Kuala Terengganu

Penganjur  
Pihak terlibat

Jabatan Sains, Matematik & Komputer (JMSK)  
**PESERTA: 80 orang pelajar terpilih**  
 (Program DEE1, DIP1, DEP2 dan DEE2)  
**AJK: Semua staf JMSK, 3 orang pelatih kaunselor & 8 orang pelajar yang dilantik sebagai fasilitator**

Program Latih Tubi Matematik 2015 merupakan program yang diadakan bagi aktiviti pengukuhan pelajar program DEP, DEE dan DIP dalam persediaan menghadapi peperiksaan akhir bagi kursus DBM1013 (Engineering Mathematics 1), DBM2013 (Engineering Mathematics 2) dan DBM1023 (Mathematics For Computing) sesi Disember 2014.

Program ini bertujuan untuk membantu pelajar berasa lebih yakin untuk menduduki peperiksaan akhir dengan menjawab beberapa set soalan latihan tubi yang dipantau dan dibantu oleh fasilitator yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar senior yang dilantik.

# KARNIVAL ICT 2015

Tarikh	29/01/2015 - 01/02/2015
Tempat	Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Terengganu
Penganjur	Pusat Sains & Kreativiti Terengganu (PSKT) bersama UPMN
Pihak terlibat	AJK: 15 orang staf JTMK

Satu pameran sempena Karnival ICT 2015 bertempat di Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Terengganu telah diadakan selama empat hari bermula dari 29 Januari hingga 1 Februari 2015. Objektif karnival tersebut adalah untuk menanamkan semangat cintakan sains dan menyemarakkan pengetahuan mengenai ICT di kalangan penduduk di sekitar Kuala Terengganu.



# MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP) 2015 ZON TIMUR

Tarikh	7-8 Mac 2015
Tempat	Dewan Besar Politeknik Muadzam Shah, Pahang
Penganjur	Politeknik Muadzam Shah
Pihak terlibat	7 ORANG PELAJAR(4 Pelajar Lelaki & 3 Pelajar Wanita) 1 ORANG PENGIRING

Pihak PKT telah menyertai Majlis Sukan Politeknik (MSP) 2015 Zon Timur dalam acara badminton yang diadakan di Politeknik Muadzam Shah pada 7 hingga 8 Mac 2015. Seramai tujuh orang pelajar terlibat dalam acara tersebut. Ia terdiri daripada empat orang peserta lelaki dan tiga orang peserta wanita.





Satu pertandingan berbentuk inovasi telah diadakan di POLIMAS dimana ianya mengumpul dan mengengahkan idea dan kreativiti melalui projek pensyarah dan juga projek pelajar.



## KONVENSYEN KIK PERINGKAT KEBANGSAAN

Dua kumpulan telah mewakili Politeknik Kuala Terengganu yang menyertai pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) 2015 di dalam kategori teknikal dan juga pengurusan. Dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah di wakili oleh kumpulan Strikers yang di anggotai oleh 9 orang staf JKE dan seorang dari unit R&D sebagai fasilitator. Kumpulan Striker telah membawa produk Domestic Electrical Wiring Trainer sebagai bahan inovasi dan berjaya mendapat pingat emas.



Pada 05-07 Mac 2015, Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah menganjurkan aktiviti hari keluarga di peringkat jabatan bertempat di De Rhu Beach Resort, Kuantan. Adalah menjadi harapan setiap warga JKE, PKT agar sambutan hari keluarga ini barjalan lancar dan berjaya mencapai objektifnya.

HARI KELUARGA JKE

## KEJOHANAN 8TH FIRA CUP & CONGRESS 2015 PERINGKAT KEBANGSAAN



Acara perdana FIRA ini , yang dipanggil FIRA Robot Piala Dunia (Piala FIRA) yang bermula pada tahun 1996 bersama-sama dengan pelbagai acara FIRA lain membantu menjana kepentingan dalam robotik dalam minda generasi muda. Pada pertandingan kali ini, PUO telah menjadi tuan rumah bagi pertandingan FIRA kali ke-8. Untuk pertandingan ini, PKT telah menghantar 2 pasukan untuk bertanding di dalam kategori simurosot.

# MASIH BELUM TERLAMBAT UNTUK SOLAT

Sesiapa sahaja yang mengaku umat islam boleh melakukan solat tetapi adakah solat kita dapat menghalang kejadian keji dan mungkar?

Sabda Rasulullah SAW bermaksud,

*"Solat itu adalah tiang agama. Maka sesiapa yang menidirikannya, sesungguhnya ia menegakkan agamanya dan sesiapa yang meninggalkannya ia telah merobohkan agamanya."*

Renungkan sabda tersebut dan bandingkan apa yang berlaku disekeliling kita pada hari ini. Bukankah apa yang berlaku pada masa ini ada sangkut paut dengan apa yang kita lakukan setiap hari? Tepuk dada tanya iman.

Solat juga merupakan titik tolak atau penanda aras sama ada kita mengingati Allah atau tidak. Solat 5 waktu adalah wajib jika kita melakukan banyak solat-solat sunat, maka kita semakin mengingati Allah.

Insyallah, kita semakin dekat dengan Allah sehingga apabila ada yang menyebut perkataan Allah atau mendengarnya sudah meremang satu badan!

*"Dan dirikanlah solat untuk menyebut dan mengingati-Ku"*

– Thoha: 14.

AUDIT AKAUN AMANAH OLEH JABATAN AUDIT NEGARA NEGERI TERENGGANU  
::27 MEI 2015::



PELUPUSAN & PENGEMASKINIAN DOKUMEN KEWANGAN DAN STOR  
::25 FEBRUARI 2015::



NAZIRAN ESPKB OLEH JABATAN AKAUNAN NEGARA MALAYSIA NEGERI TERENGGANU  
::7 HINGGA 8 APRIL 2015::



LAWATAN PELAJAR UNISZA BAGI KAJIAN PERAKAUNAN DAN KEWANGAN KERAJAAN  
::29 JANUARI 2015::



# UNIT KEWANGAN

## SPECIAL TRAINING FOR YOUNG LEADERSHIP (STYLE) **PRSP 2015**

Tarikh	<b>5-8 Jun 2015</b>
Tempat	<b>TAWAR FARM AND PLANTATION, KG PT BUNGA, MUAR, JOHOR</b>
Penganjur Pihak terlibat	<b>POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN DENGAN KERJASAMA UNIT PSIKOLOGI &amp; KERJAYA POLITEKNIK MALAYSIA</b>

Program kepimpinan peringkat kebangsaan ini merupakan siri ke 5 penganjurannya di mana Politeknik Ibrahim Sultan selaku tuan rumah. Seramai 135 peserta iaitu 5 orang wakil ahli PRSP yang terpilih di setiap politeknik dipilih bagi menyertai program STYLE PRSP 2015. Tema yang dipilih pada tahun ini ialah 3P iaitu 'Pecah Sombong, Pecah Lemak dan Pecah Idea. Program ini dilaksanakan untuk menggilap sifat kepimpinan dikalangan ahli PRSP seluruh Malaysia dan telah di rasmikan oleh YB Dr Shahrudin B Md Salleh ADUN Kawasan Jorak.



## KESIHATAN MENTAL: PENGURUSAN STRESS & MARAH ("SYOKNYA STRESS") **2015**

Tarikh	<b>7-8 Mac 2015</b>
Tempat	<b>DEWAN UTAMA, PKT &amp; PERKARANGAN TER, KUALA IBAI</b>
Penganjur Pihak terlibat	<b>UNIT PSIKOLOGI DAN KERJAYA, PKT 49 STAF PKT</b>

Unit Psikologi dan Kerjaya dengan kerjasama Bahagian Latihan ULPL telah menganjurkan program "Syoknya stress" kepada staf sokongan dan pensyarah dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada semua staf bagaimana menguruskan kesihatan mental terutama yang melibatkan stress dalam kehidupan seharian dan juga bagi memastikan individu dapat menjalani kehidupan dengan sempurna dan sejahtera. Pengurusan stress yang betul boleh menyebabkan peningkatan motivasi kerja dan perhubungan serta interaksi di antara individu di dalam sesebuah organisasi dapat mencapai fungsi yang optima dan boleh menjana perasaan sejahtera dalam mencapai matlamat individu.



# LAPORAN AKTIVITI PERPUSTAKAAN JANUARI - JUN 2015

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Catatan
1	19 Januari	Library Management System Communities of Practice (COP) Workshop/ Knowledge Link Sdn.Bhd.	Staf Perpustakaan
2	27-29 Januari	Training of Library Management System @ Latihan Sistem Pengurusan Perpustakaan/Consultant, Knowledge Connection Sdn. Bhd.	Staf Perpustakaan dan Staf Unit Sistem Maklumat
3	27-29 April	Bengkel Resources Description And Access: Pengenalan Asas Kepada Perpustakaan /Bahagian Kecemerlangan Profesional Jabatan Pengajian Politeknik	Pustakawan
4	10 Mei	Lawatan ke Pameran Buku "Big Bad Wolf Books" UniZA Gong Badak, Kuala Terengganu/Book Garden Sdn. Bhd.	20 orang peserta termasuk pensyarah dan staf
5	12 Mei	Simulasi Penghakiman Anugerah Pusat Sumber Anugerah Pusat Sumber Sekolah Peringkat Kebangsaan (APSSK) Fasa 1 Tahun 2015/ Bahagian Teknologi Pendidikan	Pustakawan
6	31 Mei	Pemantauan Pelajar Latihan Industri (IM247- Peng.Pusat Sumber)/Universiti Teknologi MARA (Kelantan)	Staf Perpustakaan Pelajar Pelatih: Nurul Zulaikha Binti Zuhaimi
7	1 Jun	Bengkel Pelupusan Bahan Terbitan dan bahan Bercetak/Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail Kuala Terengganu	Pustakawan
8	24 Jun	Program Literasi Maklumat Pelajar Semester 1	Staf Perpustakaan Pelajar Pelatih: Nurul Zulaikha Binti Zuhaimi



# GAMBAR AKTIVITI PERPUSTAKAAN JANUARI - JUN 2015



Bengkel Pelupusan Bahan Terbitan dan Bahan Bercetak.



Lawatan ke Pameran Buku "Big Bad Wolf Books" UniZA Gong Badak, Kuala Terengganu.



Simulasi Penghakiman Anugerah Pusat Sumber Anugerah Pusat Sumber Sekolah Peringkat Kebangsaan (APSSK) Fasa 1 Tahun 2015.

Juru audit sedang melaksanakan pengauditan terhadap sistem pengurusan kualiti PKT.



## AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2008 PKT BERJAYA!

Tarikh	23-25 Feb 2015
Tempat	Politeknik Kuala Terengganu
Penganjur	Unit Piskologo & Kerjaya
Pihak terlibat	Sirim QAS Sdn. Bhd, Unit Kecemerlangan Akademik & Semua Warga Kerja PKT

Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 oleh pihak SIRIM QAS telah berlangsung selama 3 hari bermula pada 23 sehingga 25 Februari 2015. Pasukan audit SIRIM QAS yang diketuai oleh Encik Khalid Saleman dan dibantu oleh Pn. Teh Seok Im melakukan pengauditan terhadap sistem pengurusan kualiti bagi proses pemberian perkhidmatan pendidikan di peringkat diploma dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Teknologi Maklumat yang dijalankan di Politeknik Kuala Terengganu.

## SESI VALIDASI PENCAPAIAN KPI POLITEKNIK TAHUN 2014 88.79% SAH MILIK PKT


Sesi validasi pencapaian KPI politeknik tahun 2014 telah dianjurkan oleh Unit Pengurusan Prestasi Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik pada 26 hingga 27 Februari 2015 bertempat di Politeknik METro Kuantan (PMKU) selaku Politeknik Pusat Validasi. Sesi validasi pencapaian KPI kali ini juga turut disertai oleh Pegawai PolyPMO dari Politeknik Kuala Terengganu (PKT), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dan Politeknik Muadzam Shah (PMS). Empat panel iaitu En. Hikmatullah H.A Khan, Pn. Norzilah Mohd Ali, Cik Harlina Nordin dan En. Mohd Fakhrurrazi melaksanakan proses validasi bertujuan menentusahkan pencapaian KPI politeknik bagi tempoh bermula Januari sehingga Disember 2014. Secara keseluruhannya, PKT berjaya memperolehi markah sebanyak 88.79% bagi tahun berkenaan.

Tarikh	26-27 Feb 2015
Tempat	Politeknik METro Kuantan
Penganjur	Unit Pengurusan Prestasi Politeknik, JPP
Pihak terlibat	POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH (POLISAS), POLITEKNIK MUADZAM SHAH (PMS) dan Politeknik METro Kuantan (PMKU)



Panel melaksanakan proses validasi bagi menentusahkan pencapaian KPI politeknik yang terlibat.

TO LIVE A  
**CREATIVE**  
LIFE, WE MUST LOSE  
OUR FEAR OF BEING  
**WRONG**





*Kumpulan KIK sedang khusus berbincang untuk mencari idea bagi menghasilkan Inovasi KIK.*

## BENGKEL KIK SIRI 1 PKT 2015

Tarikh **4-5 Feb 2015**  
 Tempat **Dewan Utama, PKT**  
 Penganjur **Unit Penyelidikan & Inovasi(UPI)**  
 Pihak terlibat **Pensyarah PKT :**  
 - JTMK | JKE | JPA  
 Staf PKT: Kakitangan Sokongan

Seramai 40 orang kakitangan Politeknik yang terdiri daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Jabatan Pengajian Am (JPA) Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) , dan kakitangan sokongan telah mengikuti Bengkel Kumpulan Inovatif Dan Kreatif yang telah diadakan di Dewan Utama, Politeknik Kuala Terengganu (PKT).

## PERTANDINGAN INOVASI PELAJAR SESI DIS 2014

Tarikh **30 Mac 2015**  
 Tempat **Dewan Utama, PKT**  
 Penganjur **UPI**  
 Pihak terlibat **Pensyarah & Pelajar PKT :**  
 - JTMK | JKE

Seramai 22 orang pelajar dan 10 orang penyelia projek yang terdiri daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) telah mengikuti Pertandingan Inovasi Pelajar Sesi Disember 2014 bertempat di Dewan Utama Politeknik Kuala Terengganu.



*Kelihatan peserta sedang sibuk menerangkan projek kepada penilai.*



Sesi Pembentangan Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK).

# BENGKEL KIK SIRI 2 PKT 2015

Tarikh | 3-4 Mei 2015  
Tempat | Dewan Kenanga 1, Hotel Permai  
Penganjur | Unit Penyelidikan & Inovasi(UPI)  
Pihak terlibat | Pensyarah PKT :  
- JTMK | JKE | JPA  
Staf PKT: Kakitangan Sokongan

Seramai 37 orang pensyarah dan staf sokongan yang terdiri daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Jabatan Pengajian Am (JPA), Jabatan Kejuruan Elektrik (JKE), Unit Pentadbiran, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), Unit Sistem Maklumat (USM) dan Unit Intruksional Dan Multimedia (UIDM) telah mengikuti Bengkel Kumpulan Inovatif & Kreatif Politeknik Kuala Terengganu 2015.

## PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF &KREATIF

Tarikh | 4 Mei 2015  
Tempat | Dewan Kenanga 1, Hotel Permai  
Penganjur | Unit Penyelidikan & Inovasi(UPI)  
Pihak terlibat | Pensyarah PKT :  
- JTMK | JKE | JPA  
Staf PKT: Kakitangan Sokongan

Seramai 37 orang pensyarah dan staf sokongan yang terdiri daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Jabatan Pengajian Am (JPA), Jabatan Kejuruan Elektrik (JKE), Unit Pentadbiran, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), Unit Sistem Maklumat (USM) dan Unit Intruksional Dan Multimedia (UIDM) telah mengikuti pertandingan Kumpulan Inovatif & Kreatif Politeknik Kuala Terengganu 2015.



En.Shafian selaku wakil Kumpulan KIK Positif membentangkan hasil inovasi KIK.

# BENGKEL POWERPOINT DALAM MULTIMEDIA POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Tarikh | 23-25 Feb 2015  
Tempat | Bilik Seminar, UPI(PKT)  
Penganjur | UPI  
Pihak terlibat | **PENCERAMAH :**  
i-EN AFIQ ARIFUDDIN BIN MUSA  
II-EN IZALMAN HARRIS BIN ABU BAKAR  
**PESERTA : PENSYARAH PKT DAN  
STAF SOKONGAN,PKT**

Seramai 10 orang kakitangan Politeknik yang terdiri daripada Unit Psikologi dan Kerjaya (UPK), Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI) dan Jabatan Pengajian Am (JPA) telah mengikuti Bengkel Powerpoint dalam Multimedia yang telah diadakan di Bilik Seminar Unit Penyelidikan dan Inovasi, Kuala Terengganu.



*Fasilitator menunjuk ajar cara-cara memuat naik video.*

Tarikh | 6 April 2015  
Tempat | Bilik Seminar, UPI(PKT)  
Penganjur | UPI  
Pihak terlibat | **PENSYARAH PKT:  
JTMK | JKE | JPA**

Seramai 19 orang kakitangan Politeknik yang terdiri daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Jabatan Pengajian Am (JPA) Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) , Unit Sitem Maklumat telah mengikuti Bengkel Prototaip Mesin yang telah diadakan di Bilik Seminar Unit Penyelidikan dan Inovasi, Kuala Terengganu.



*Peserta bengkel tekun menyiapkan tugasan KIK*

# BENGKEL PROTOTAIP MESIN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

# DASAR KESELAMATAN ICT (DKICT)

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
KUALA TERENGGANU

## 8 PRINSIP



### Akses Atas Dasar Perlu Mengetahui

Akses terhadap penggunaan aset ICT hanya diberikan untuk tujuan spesifik dan dihadkan kepada pengguna tertentu atas dasar "perlu mengetahui" sahaja.



### Hak Akses Minimum

Hak akses kepada pengguna hanya diberi pada tahap yang paling minimum iaitu untuk pembaca dan/atau melihat sahaja.

### Akauntabiliti

Semua pengguna adalah bertanggungjawab ke atas semua tindakannya terhadap aset ICT KPM.




### Pengasingan

Tugas mewujudkan, memadam, mengemaskini, mengubah dan mengesahkan data perlu diasingkan bagi mengelakkan daripada capaian yang tidak dibenarkan.

### Pengauditan

Pengauditan adalah tindakan untuk mengenal pasti insiden berkaitan keselamatan ICT atau mengenal pasti keadaan yang mengancam keselamatan ICT.



### Pematuhan

Dasar Keselamatan ICT KPM hendaklah dibaca, difahami dan dipatuhi bagi mengelakkan sebarang bentuk pelanggaran ke atasnya yang boleh membawa ancaman kepada keselamatan ICT.

### Pemulihan

Pemulihan boleh dilakukan melalui aktiviti penduaan (*backup*) dan pewujudan plan pemulihan bencana/kesinambungan perkhidmatan.



### Saling Bergantungan

Setiap prinsip di atas adalah saling lengkap-melengkapi dan bergantung antara satu sama lain.

**"KESELAMATAN ASET ICT TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**

#### Sumber Rujukan:

1. Surat Pekeliling ICT Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) Bilangan 1 Tahun 2011- 16 November 2011
2. Dokumen Dasar Keselamatan ICT Kementerian Pelajaran Malaysia Versi 2.0 - Mac 2012

## KEJOHANAN BOLASEPAK PANTAI

Tarikh	20-22 Ogos 2015
Tempat	Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu
Penganjur	PKT dengan kerjasama Pusat Keusahawanan Politeknik Malaysia   JPP   KPT
Pencapaian	Tempat ke-3 daripada 20 Buah Politeknik



## KEJOHANAN OLAHRAGA MSP KALI KE 8 2015

Tarikh	19 – 23 September 2015
Tempat	Sekolah Sukan Malaysia Pahang, Gambang, Pahang
Penganjur	Politeknik Muadzam Shah Dengan Kerjasama Majlis Sukan Politeknik



## MSP TAEKWONDO TOURNAMENT & INVITATION CHAMPIONSHIP

Tarikh	2 – 4 Oktober 2015
Tempat	Politeknik Mersing, Johor
Penganjur	Politeknik Mersing, Johor Dengan Kerjasama Majlis Sukan Politeknik
Pencapaian	2 Gangsa Daripada Kategori Middle Dan Fly (Female)



## KEJOHANAN TOUCH RUGBY TERENGGANU CITY NIGHT GAMES SEMPERNA HARI SUKAN NEGARA 2015

Tarikh	10 Oktober 2015
Tempat	Perkarangan Stadium Negeri, Gong Badak
Penganjur	Kelab Ragbi Daerah Kuala Terengganu
Pencapaian	Naib Johan Kategori Shield





# KEJOHANAN BADMINTON GRAND FINAL 2014 - 2015



Tarikh | 22 - 26 Jan 2015  
Tempat | Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin,  
Perlis (PTSS)  
Penganjur | PTSS,Perlis  
Pencapaian | Naib Johan:  
Kategori Perseorangan Lelaki  
Pihak Terlibat | Seluruh Politeknik Malaysia



# KARNIVAL KEJOHANAN SUKAN MSPM ZON TIMUR 2015

Tarikh | 6-8 Mac 2015  
Tempat | Polisas & PMS  
Penganjur | Polisas & PMS  
Pencapaian | Naib Johan :  
1. Persorangan Badminton Lelaki  
2. Persorangan Squash Lelaki  
Pihak Terlibat | Seluruh Politeknik Malaysia



# KARNIVAL SUKAN PKT 2015 (FUTSAL)

Tarikh | 28 Mac 2015  
Tempat | X-Treme Futsal, Pulau Kambing  
Kuala Terengganu  
Penganjur | USKK,PKT  
Pegawai Pengiring | EN. ZUNAIDI BIN ABDULLAH  
EN. WAN ROZAIMIE B WAN MAMAT





Tarikh **10 Okt 2015**  
 Tempat **Politeknik Kuala Terengganu**  
 Penganjur **USKK, PKT**  
 Pihak terlibat **Jabatan Belia Sukan Terengganu**  
 Jumlah Peserta **125 Orang Peserta**



# HARI SUKAN NEGARA

**10.10.2015**

[harisukannegara.my](http://harisukannegara.my)



# KARNIVAL SUKAN PKT 2015

Tarikh | 31 Mac 2015  
Tempat | Stadium Negeri Terengganu  
Penganjur | PKT  
Peg. Pengiring | Semua pensyarah Ko-Kurikulum  
Sesi Dis 2015 (PKT)



# KURSUS PENGURUSAN SUKAN MENGGUNAKAN MICROSOFT

Tarikh | 23 April 2015  
Tempat | Dataran PKT  
Penganjur | ULPL dengan kerjasama  
USKK,PKT  
Terlibat | Semua warga PKT



# KEJOHANAN PENTAQUE MSPM 2015

Tarikh | 9 - 13 Mei 2015  
Tempat | POLISAS, Kuantan  
Penganjur | Majlis Sukan Politeknik Malaysia  
& Polisas  
Pihak yang terlibat | Seluruh Politeknik Malaysia  
Peg. Pengiring | En Wan Rozaimie B Wan Mamat &  
En Mohd Hafiz B Rosli  
Pencapaian | No. 4 Kategori Beregu Wanita



# KEJOHANAN BADMINTON MSPM 2015

SIRKIT 1  
Tarikh | 19 - 23 Ogos 2015  
Tempat | PNS  
Penganjur | PNS & MSPM  
Pihak yang terlibat | Seluruh Politeknik Malaysia  
Peg. Pengiring | En.Wan Rozaimie B. Wan Mamat  
Pencapaian | NAIB JOHAN  
- Kategori Perseorangan lelaki  
JOHAN  
- Kategori Perseorangan Wanita



## KEJOHANAN BADMINTON MSPM 2015 SIRKIT 2

Tarikh	3 - 6 Sep 2015
Tempat	Politeknik Sultan Azlan Shah, Psas, Perak
Penganjur	Psas Dengan Kerjasama Mspm
Pihak yang terlibat	Seluruh Politeknik Malaysia
Peg. Pengiring	En Wan Rozaimie B Wan Mamat
Pencapaian	Naib Johan - Kategori Perseorangan Lelaki A Suku Akhir - Kategori Perseorangan Lelaki B



## KEJOHANAN BADMINTON TERTUTUP MELAYU TERENGGANU 2015

Tarikh	11 – 12 September 2015
Tempat	Stadium Negeri Terengganu
Penganjur	Persatuan Badminton Melayu Terengganu
Pihak yang terlibat	Masyarakat Negeri Terengganu
Peg. Pengiring	En Wan Rozaimie B Wan Mamat
Pencapaian	Johan- Kategori Perseorangan Lelaki



Kitaran hidup nyamuk  
Aedes dari telur  
hingga nyamuk dewasa  
hanya mengambil  
masa **7 hari!**

**Anda boleh menghapuskan  
kitaran hidup Nyamuk Aedes  
dengan menghapuskan tempat-tempat  
pembinaan jentik-jentik.**

# LARIAN SULTAN MAHMUD 2015

Tarikh  
Tempat  
Penganjur  
Pihak yang terlibat  
Peg. Pengiring  
Pencapaian

19 September 2015  
Pantai Batu Burok - Jambatan Sultan Mahmud  
Kerajaan Negeri Terengganu  
Masyarakat Negeri Terengganu  
Malaysia Dan Antarabangsa  
En Wan Rozaimie B Wan Mamat  
Finisher - 4 Orang



## TIPS KESELAMATAN ICT AMALAN TERBAIK



- ✓ Gunakan kata laluan yang sukar diteka (gabungan nombor, huruf, tanda & Simbol).
- ✓ Sentiasa tukar kata laluan setiap 3 bulan dan jangan dedahkan kepada orang lain.
- ✓ Jangan sekali-kali memberi ID dan kata laluan anda kepada emel palsu (phishing) yang meminta anda berbuat demikian
- ✓ *Encrypt* maklumat terperingkat.
- ✓ Jangan buka email dari penghantar yang tidak dikenali.
- ✓ Buat Salinan (backup) maklumat penting dengan kerap dan simpan di tempat yang selamat.
- ✓ Imbas fail yang diterima dari orang lain terutama sekali melalui Internet atau thumbdrive.
- ✓ Kunci skrin komputer anda apabila tidak berada di tempat (cthnya menekan Ctrl+Alt+Del)
- ✓ Log Off komputer anda sebelum keluar pejabat.



## PILIHANRAYA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) 2015 POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

TARIKH  
13 JANUARI 2015

TEMPAT  
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

ANJURAN  
JABATAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR  
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

PIHAK LUAR YANG TERLIBAT  
CALON – CALON MPP BERTANDING, JAWATANKUASA  
PILIHANRAYA MPP 2015 DAN SEMUA PELAJAR PKT  
YANG WAJIB MENGUNDI



Pilihanraya Kampus Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Kuala Terengganu (PKT) bagi sesi 2015 telah berlangsung pada 13 Januari 2015 setelah ditunda akibat musibah banjir yang melibatkan beberapa buah negeri di pantai timur yang melibatkan majoriti pelajar Politeknik Kuala Terengganu. Pihak Pengurusan Politeknik Kuala Terengganu telah bersetuju untuk menunda tarikh pilihanraya yang sepatutnya berlangsung pada 30 Disember 2014 dan mengambil kira faktor kebajikan dan keselamatan pelajar – pelajar. Proses pilihanraya bermula tepat pada jam 9.00 pagi dan proses undian dijalankan menggunakan sistem e-voting di Perpustakaan Politeknik Kuala Terengganu.

Calon – calon MPP adalah seramai 24 orang bertanding bagi kerusi Exco dan 9 orang bertanding bagi kerusi Umum. Seramai 309 daripada 411 orang pelajar (75% hadir mengundi) yang ada di kampus ( tidak termasuk yang menjalani Latihan Industri ) dari TIGA (3) jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Elektrik (114 daripada 166 hadir mengundi), Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (185 daripada 235 hadir mengundi) dan Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (10 daripada 10 hadir mengundi).

Satu taklimat kerjaya bagi pelajar – pelajar semester akhir JKE dan JTMK telah disampaikan oleh wakil dari Public Mutual Kuala Terengganu iaitu Miss Wee Suat Hwee. Objektif taklimat ini adalah untuk memberi input serta maklumat sebagai persediaan kepada pelajar – pelajar yang akan memasuki ke alam pekerjaan. Melalui taklimat ini juga pelajar – pelajar juga digalakkan untuk menjadi usahawan dan menceburi dalam bidang perniagaan.

## CAREER TALK: BE AN ENTREPRENEUR & FINANCIALLY FREE”

TARIKH  
18 MAC 2015

TEMPAT  
DEWAN UTAMA PKT

ANJURAN  
JABATAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR  
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

PIHAK LUAR YANG TERLIBAT  
PELAJAR – PELAJAR SEMESTER AKHIR JKE DAN JTMK  
DAN PIHAK PUBLIC MUTUAL KUALA TERENGGANU



## **PROGRAM KESUKARELAWAN PASCA BANJIR 1 POLITEKNIK 1 SEKOLAH (1P1S) BERSAMA SEKOLAH KEBANGSAAN LEMAL, PASIR MAS, KELANTAN**

TARIKH  
**26 - 28 MAC 2015**

TEMPAT  
**SEKOLAH KEBANGSAAN LEMAL, PASIR MAS, KELANTAN**

ANJURAN  
**JABATAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR PKT**

PIHAK LUAR YANG TERLIBAT  
**GURU – GURU, KAKITANGAN DAN PELAJAR SK LEMAL,  
PASIR MAS KELANTAN  
20 Pegawai dan 30 Pelajar PKT**

Program 1P1S adalah program khidmat masyarakat untuk memberi bantuan kepada sekolah – sekolah yang telah terlibat dalam bencana banjir besar pada awal tahun 2015.



Politeknik Kuala Terengganu telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program ini bersama sekolah angkat yang telah dipilih iaitu Sekolah Kebangsaan Lemal, Pasir Mas, Kelantan. Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar PKT telah diamanahkan untuk melaksanakan program ini.

Program ini terdiri dari 2 fasa di mana fasa pertama adalah lawatan tapak ke sekolah berkenaan dan fasa kedua adalah gerak kerja bagi program ini.

## **KEM KEPIMPINAN DAN EKSPLORASI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) BERSAMA PEMIMPIN KELAB – KELAB POLITEKNIK KUALA TERENGGANU 2015**

TARIKH  
**25 - 28 MEI 2015**

TEMPAT  
**KEM DAMAI BEACH RESORT, BESUT, TERENGGANU**

ANJURAN  
**JABATAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR PKT**

PIHAK LUAR YANG TERLIBAT  
**30 PELAJAR TERDIRI DARIPADA MAJLIS PERWAKILAN  
PELAJAR (MPP), PEMBIMBING RAKAN SISWA (PRS) DAN  
WAKIL – WAKIL KELAB PKT  
5 PEGAWAI DAN 3 KAUNSELOR PELATIH PKT**



## MINGGU SUAI KENAL (MSK) SESI JUN 2015

TARIKH  
**16 - 18 JUN 2015**

TEMPAT  
**PERKARANGAN DAN DEWAN UTAMA POLITEKNIK KUALA TERENGGANU**

ANJURAN  
**JABATAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR PKT**

PIHAK YANG TERLIBAT  
**JAWATANKUASA MINGGU SUAI KENAL SESI JUN 2015, MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR, PEMBIMBING RAKAN SISWI DAN SEMUA PELAJAR BAHARU SESI JUN 2015 5 PEGAWAI DAN 3 KAUNSELOR PELATIH PKT**



## PROGRAM OUTREACH STUDY@POLY 2015 SEMPENA KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA 'JOM MASUK IPT' KALI KE-11 TAHUN 2015



TARIKH  
**28 HINGGA 29 MAC 2015**

TEMPAT  
**RTC KOTA BHARU KELANTAN**

ANJURAN  
**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

PIHAK YANG TERLIBAT  
**PEGAWAI HAL EHWAL PELAJAR, 2 ORANG PENSYARAH DAN 5 ORANG PELAJAR PKT DAN SEMUA PELAJAR BAHARU SESI JUN 2015 5 PEGAWAI DAN 3 KAUNSELOR PELATIH PKT**

## PROMOSI SEMPENA KARNIVAL TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU 2015

TARIKH  
**12 - 14 MAC 2015**

TEMPAT  
**DATARAN PERMATA, KAMPUNG BAHARU SEBERANG TAKIR**

ANJURAN  
**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU, PARLIMEN KUALA NERUS**

PIHAK YANG TERLIBAT  
**JHEPP PKT, WAKIL PENSYARAH SETIAP JABATAN**





## PROMOSI KEMASUKAN KE POLITEKNIK MALAYSIA OLEH POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

TARIKH  
5 APRIL 2015

TEMPAT  
SEKOLAH - SEKOLAH MENENGAH DI SEKITAR KUALA  
TERENGGANU

ANJURAN  
JABATAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR PKT  
PIHAK YANG TERLIBAT  
JHEPP PKT, WAKIL PENSYARAH SETIAP JABATAN



## RAHSIAKAN KATA LALUAN ANDA

- hafal dan jangan kongsi kata laluan
- guna kata laluan yang kukuh
- jangan guna maklumat peribadi
- digalakkan tukar kata laluan setiap 3 bulan
- guna gabungan huruf, nombor dan simbol
- lapor segera jika berlaku pencerobohan

## PROMOSI POLITEKNIK SEMPENA PAMERAN 'KARNIVAL TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU – SIFAR KECICIRAN MASUK IPT' TAHUN 2015

TARIKH  
APRIL 2015

TEMPAT  
SEKOLAH - SEKOLAH MENENGAH DI SEKITAR KUALA  
TERENGGANU

ANJURAN  
JABATAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR PKT  
PIHAK YANG TERLIBAT  
JHEPP PKT, WAKIL PENSYARAH SETIAP JABATAN



# E-DOLA 2015

TARIKH  
7 OKTOBER 2015  
TEMPAT  
HOTEL EQUATORIAL MELAKA  
ANJURAN  
POLITEKNIK MALAYSIA  
PIHAK YANG TERLIBAT  
SELURUH POLITEKNIK MALAYSIA



# PROGRAM RAYA DI POLITEKNIK 2015

TARIKH  
12 OGOS 2015  
TEMPAT  
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU  
ANJURAN  
HEP  
PIHAK YANG TERLIBAT  
SELURUH WARGA PKT DAN ORANG AWAM



# BENGGKEL PENULISAN

TARIKH  
**29 JULAI 2015**  
TEMPAT  
**DEWAN UTAMA PKT**  
ANJURAN  
**POLITEKNIK KUALA TERENGGANU**  
PIHAK YANG TERLIBAT  
**POLITEKNIK KUALA TERENGGANU**



# CERAMAH ANDROID

TARIKH  
**28 JULAI 2015**  
TEMPAT  
**MAKMAL IT 2 POLITEKNIK KUALA TERENGGANU**  
ANJURAN  
**POLITEKNIK KUALA TERENGGANU**



# PESTA BUAH-BUAHAN DI POLITEKNIK

TARIKH  
**24 OGOS 2015**  
TEMPAT  
**PERKARANGAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU**  
ANJURAN  
**POLITEKNIK KUALA TERENGGANU**





## BENGGKEL PERSEDIAAN (K3PM) 2015

TARIKH  
27 JULAI 2015

TEMPAT  
BATU BUROK BEACH RESORT, KUALA TERENGGANU

ANJURAN  
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU



"USAHAWAN CEMERLANG, NEGARA TERBILANG"



## KURSUS KAHWIN

TARIKH  
2 & 3 OKTOBER 2015

TEMPAT  
DEWAN UTAMA POLITEKNIK KUALA  
TERENGGANU

ANJURAN  
UNIT PSIKOLOGI & KERJAYA POLITEKNIK KUALA  
TERENGGANU

PIHAK YANG TERLIBAT  
PELAJAR POLITEKNIK KUALA TERENGGANU





# LAWATAN SMK KETEREH KE PKT 2015

TARIKH  
9 SEPTEMBER 2015

TEMPAT  
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

PIHAK YANG TERLIBAT  
GURU PENGIRING DAN PELAJAR SMK KETEREH



## CARA MUDAH MUHASABAH DIRI

1. Perkara pertama yang kita wajib buat sebagai orang islam selepas mengangkat tauhid kita dalam ucapan syahadah dalam rukun islam dan yang pertama dalam ketertiban rukun iman.
2. Perbanyakkan zikir sama ada zikir lisan mahu pun zikir hati – tasbih, tahmid, tahlil dan takbir.
3. Lakukannya dalam melakukan apa sekali pun. Boleh lakukan ketika bersebang, boleh lakukan ketika mandi dan juga boleh lakukan ketika sedang memasak.


**ALLAH** adalah **KEKUATAN**  
Untuk mencari **KEKUATAN**  
Carilah **ALLAH**

# PROGRAM BERSIH PULAU KAPAS

TARIKH  
**10 OKTOBER 2015**  
TEMPAT  
**PULAU KAPAS, KUALA TERENGGANU**  
ANJURAN  
**WARTANIAH POLITEKNIK KUALA TERENGGANU**  
PIHAK YANG TERLIBAT  
**PELAJAR POLITEKNIK KUALA TERENGGANU**




Question 1:  
How Many Squares in this figure?



- Answer: A 18  
B 26  
C 31  
D 40


Question 2:

How many blocks?



- 7, 8, 9, 10

Question 3:  
Which is the top view?



Here are 25 words that relate to the subject of Dealing With Anger.  
See if you can find them all!

X S S E R T S R I N H E V I T I S O P  
A M S L A S H O U T F G O W H O B E S  
L R E L A X N T T X L V O G H S B R X  
N O R X W R G A E E O C O N F L I C T  
R E P O A G N I L E S N U O C C O U H  
E A X T H I W D P N M I X L L T O H G  
N D E E P B R E A T H I N G S L W T I  
R E I M S E V M R E I X T N L V E R F  
Y T O O R E T R S X C I G I C Z O E P  
A A U T F O E E S L R N H D T S O S W  
G R W I W R M E R A O C G N T M V O E  
X T A O L E P P G N N I C A X S R L X  
F S Z N Y X E E M N T P E T P E E V E  
R U U A N G R Y N O W S E S O R E E R  
B R R L T B S G T Y X L O R T N O C C  
S F S I R W T R I I Z M L E A G T I I  
T R T A O D C O N N P F I D N E N W S  
W O U T B U R S T G N I T N E V G E E  
X A W U N S S L I N O V Z U W R T S L

- |                |               |               |
|----------------|---------------|---------------|
| Angry          | Express       | Positive      |
| Annoying       | Fight         | Rage          |
| Chill Out      | Frustrated    | Relax         |
| Conflict       | Furious       | Resolve       |
| Control        | Lash Out      | Stress        |
| Counseling     | Outburst      | Temper        |
| Deep Breathing | Peer Mediator | Understanding |
| Emotional      | Pet Peeve     | Venting       |
| Exercise       |               |               |



exercise  
your  
BRAIN!



**BRAIN  
GAMES**

# KOLEKSI GAMBAR 2015










**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
KUALA TERENGGANU

ISSN 2289-4136



# LEKOR

EDISI BILIPER 2014

BULETIN INFORMASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

diterbitkan oleh:  
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU  
JALAN SULTAN ISMAIL, 20200 KUALA TERENGGANU  
TEL: 09-6204 100 | FAKS: 09-6204 102  
FB: [www.facebook.com/PoliteknikKualaTerengganuRasmi](http://www.facebook.com/PoliteknikKualaTerengganuRasmi)  
WEB: [www.pkt.edu.my](http://www.pkt.edu.my)